

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 23
SURAT

RMK13 peluang capai status negara maju



Bisnes
Isnin, 14 Julai 2025
bhbiz@bh.com.my
Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

RMK13 peluang capai status negara maju

Reformasi ekonomi lebih agresif mampu realisasi sasaran beberapa kali tertangguh

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang merangkumi tempoh 2026 hingga 2030 merupakan fasa kritikal dalam menentukan sama ada Malaysia mampu mencapai status negara maju seperti yang disasarkan beberapa tahun sebelum ini, demikian menurut penganalisis.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Ekonomi dan Kewangan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Mohamad Idham Md Razak, berkata sasaran untuk mencapai status negara maju mungkin perlu dipanjangkan sekali lagi melangkaui 2030 jika Malaysia gagal memanfaatkan sepenuhnya tempoh pelaksanaan RMK13 bermula 2026 hingga 2030.

Beliau berkata, RMK13 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 31 Julai ini dilihat tempoh penting dalam usaha Malaysia untuk keluar daripada status negara membangun dan mencapai taraf negara maju.

Menurutnya, sasaran itu telah beberapa kali tertangguh, antaranya disebabkan pandemik COVID-19 serta ketidakstabilan ekonomi global.

Katanya, walaupun tempoh lima tahun itu dijangka mencabar, Malaysia masih berpeluang mencapainya jika kerajaan melaksanakan reformasi ekonomi yang lebih agresif.

"Malaysia kini berada hampir kepada status negara berpendapatan tinggi, namun masih berdepan cabaran 'perangkap pendapatan pertengahan' akibat kelemahan struktur berterusan."

"Lantaran itu, dalam RMK13, kerajaan perlu memberi perhatian kepada jurang produktiviti antara sektor, terutama apabila industri bernilai tinggi ketinggalan berbanding sektor tradisional," katanya kepada BH.

Mohamad Idham berkata, masalah kebocoran fiskal akibat subsidi tidak bersasar serta isu rasuah turut menjejaskan kecekapan penggunaan peruntukan pembangunan.

Disebabkan itu, beliau berkata, bagi memastikan Malaysia kekal berada di landasan kukuh menjelang 2030, beberapa pembaharuan kritikal perlu menjadi keutamaan RMK13.

Dasar perindustrian hijau
Antaranya termasuk reformasi sistem percukaian secara lebih telus, seperti pertimbangan terhadap cukai kekayaan bagi meningkatkan hasil kerajaan tanpa membebankan golongan B40.

"Selain itu, dasar perindustrian hijau harus diperkuat bagi menarik pelaburan berkualiti dan memacu pertumbuhan mampan."

"Kerjasama erat antara institusi pendidikan dan industri juga perlu dipertingkatkan dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang relevan dengan keperluan Revolusi Industri 4.0."

"Pada masa sama, pengukuhan tadbir urus dan kestabilan politik amat penting bagi meyakinkan pelabur, selain usaha memperkuatkan integriti awam dan membanteras rasuah," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Center for Market Education, Dr Carmelo Ferlito, menyarankan pelan pembangunan ekonomi Malaysia tidak dilaksanakan dengan bersifat terlalu berwawasan dan tegas, kerana ia boleh mencetuskan masalah ekonomi seperti yang pernah berlaku kepada beberapa negara lain sebelum ini.

"Apa yang kita perlukan ialah sebuah kerajaan yang bertindak membongkar peraturan yang menghalang, bagi membolehkan kuasa keusahawanan berkembang dari bawah."

"Kerajaan sepatutnya tidak bertindak berlebihan, tetapi lakukan dengan lebih baik. Tinggalkan senarai impian yang besar dan fokus kepada apa yang benar-benar diperlukan oleh perniagaan di lapangan, satu cara yang mudah untuk berurusan," katanya.

Dalam RMK13, kerajaan perlu memberi perhatian kepada jurang produktiviti antara sektor, terutama apabila industri bernilai tinggi ketinggalan berbanding sektor tradisional

Mohamad Idham Md Razak, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Ekonomi dan Kewangan UiTM

Carmelo Ferlito